*UJIAN 1 27 OKTOBER 2021*

<table>
<tr><td>72</td><td>Manakah antara berikut sektor primer?<br>A Pembuatan dan perkilangan<br>B Pembekalan tenaga<br>C Pembinaan<br>D Pertanian</td><td>Pahang<br>Set 2<br>No 5</td></tr>
<tr><td>73</td><td>Manakah antara berikut cabaran perniagaan bersaiz besar?<br>A Wujud pengkhususan<br>B Meningkatkan hasil<br>C Kos overhed yang tinggi<br>D Undang-undang dan peraturan kerajaan</td><td>Pahang<br>Set 2<br>No 6</td></tr>
<tr><td>74</td><td>Apakah perniagaan antarabangsa?<br>A Aktiviti yang tidak melepasi sempadan negara<br>B Aktiviti yang melibatkan pemborong dan peruncit<br>C Aktiviti yang berlaku di dalam negara yang sama<br>D Aktiviti yang berlaku melepasi sempadan negara</td><td>Pahang<br>Set 3<br>No 7</td></tr>
<tr><td>75</td><td>Apakah contoh Organisasi Bermotifkan Untung (OBU) ?<br><br>A. Kelab Belia dan Sukan<br>B. Syarikat Fabrik Sdn. Bhd.<br>C. Pertubuhan Peladang Pahang<br>D. Persekutuan Pengakap Malaysia</td><td>Pahang<br>Set 3<br>No 1</td></tr>
<tr><td>76</td><td>Pilih padanan yang benar tentang kelebihan dan kelemahan dalam perniagaan perkongsian ?<br><br><table><tr><th></th><th>Kelebihan</th><th>Kelemahan</th></tr><tr><td>A</td><td>Liabiliti terhad</td><td>Beban cukai yang tinggi</td></tr><tr><td>B</td><td>Beban cukai rendah</td><td>Diuruskan secara berseorangan</td></tr><tr><td>C</td><td>Mudah ditubuhkan</td><td>Perniagaan tidak berterusan</td></tr><tr><td>D</td><td>Menikmati ekonomi bidangan</td><td>Penawaran syer terhad</td></tr></table></td><td>Pahang<br>Set 3<br>No 2</td></tr>
<tr><td>77</td><td>Maklumat di bawah menunjukkan kekurangan satu bentuk pemilikan perniagaan.<br><br>□ Penubuhan yang rumit<br>□ Beban cukai yang tinggi<br>□ Laporan kewangan syarikat dikongsi kepada orang awam<br><br>Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut ?<br><br>A. Sime Darby Berhad<br>B. Kedai Motosikal Zainal<br>C. Studio Pengantin Sdn. Bhd<br>D. Koperasi Taman Amalina Berhad</td><td>Pahang<br>Set 3<br>No 3</td></tr>
</table>



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 78 | Antara berikut, yang manakah tujuan pembentukan perniagaan usaha sama ?<br><br>I. Risiko dalam perniagaan dapat disebarkan<br>II. Meningkatkan dana kewangan<br>III. Menambahkan keuntungan syarikat<br>IV. Kepakaran dan teknologi dapat dikongsi<br><br>A. I dan II<br>B. I dan IV<br>C. II dan III<br>D. III dan IV | Pahang<br>Set 3<br>No 4 |
| 79 | Syarikat Cari Gali Sdn. Bhd merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti perlombongan petroleum di Malaysia.<br><br>Apakah jenis sektor yang terlibat?<br><br>A. Sektor tertier<br>B. Sektor utama<br>C. Sektor kedua<br>D. Sektor sekunder | Pahang<br>Set 3<br>No 5 |
| 80 | Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan sejenis saiz perniagaan.<br>• **Kos operasi lebih murah**<br>• **Strategi perniagaan mudah diubah mengikut keperluan**<br><br>Apakah saiz perniagaan tersebut ?<br><br>A. Mikro<br>B. Kecil<br>C. Besar<br>D. Sederhana | Pahang<br>Set 3<br>No 6 |
| 81 | Rajah di bawah ini menunjukkan skala perniagaan.<br><br><br><br><br>Apakah P ?<br><br>A. Zon<br>B. Global<br>C. Domestik<br>D. Kebangsaan | Pahang<br>Set 3<br>No 7 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 82 | Apakah motif utama penubuhan sesebuah perniagaan?<br>A Menjaga kebajikan ahli<br>B Memperolehi keuntungan<br>C Menyediakan kemudahan awam<br>D Menjalankan tanggungjawab social | Pahang<br>Set 4<br>No 1 |
| 83 | Pernyataan manakah yang berkaitan dengan OBBU?<br>A Mengeluarkan barang dan perkhidmatan<br>B Memaksimumkan keuntungan<br>C Mendaftar dengan SSM<br>D Menjaga kebajikan ahli | Pahang<br>Set 4<br>No 2 |
| 84 | Pernyataan manakah berkaitan milikan tunggal?<br>A Modal dari sumber pembiayaan dalaman<br>B Liabiliti setakat modal disumbangkan sahaja<br>C Dikecualikan daripada membayar cukai individu<br>D Perniagaan mudah terbubar jika berselisih pendapat | Pahang<br>Set 4<br>No 3 |
| 85 | Pilih pernyataan yang tepat tentang kelebihan francais kepada francaisi?<br>A Menikmati ekonomi bidangan<br>B Mengeluarkan produk yang baru<br>C Mengembangkan perniagaan ke luar negara<br>D Menjalankan satu perniagaan yang sistematik | Pahang<br>Set 4<br>No 4 |
| 86 | Pernyataan manakah yang berkaitan sektor sekunder?<br>A Melibatkan aktiviti menghasilkan bahan mentah<br>B Pelbagai perkhidmatan pihak berkuasa untuk masyarakat<br>C Penghasilan peralatan saintifik untuk kegunaan pertanian<br>D Meningkatkan nilai bahan mentah melalui proses transformasi | Pahang<br>Set 4<br>No 5 |
| 87 | Apakah kelebihan perniagaan bersaiz besar?<br>A Kos overhed yang rendah<br>B Menikmati ekonomi bidangan<br>C Semangat berpasukan yang tinggi<br>D Senang mendapat pekerja berpengalaman | Pahang<br>Set 4<br>No 6 |
| 88 | Manakah yang berikut merupakan skala perniagaan antarabangsa?<br>A Zon<br>B Negeri<br>C Tempatan<br>D Kebangsaan | Pahang<br>Set 4<br>No 7 |
| 89 | Apakah tujuan utama perniagaan dijalankan?<br>A Membina imej perniagaan<br>B Membantu usahawan membina kerjaya<br>C Menawarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan<br>D Menyahut cabaran kerajaan untuk menceburi bidang perniagaan | Perak<br>No 1 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 90 | Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk milikan perniagaan<br><br>**• Tertakluk di bawah Akta Syarikat 2016**<br>**• Ahli yang dibenarkan antara 2 hingga 50 orang**<br>**• Modal disumbangkan oleh ahli yang mendaftar**<br><br>Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?<br>A Koperasi<br>B Perkongsian<br>C Syarikat Awam Berhad<br>D Syarikat sendirian berhad | Perak<br>No 2 |
| 91 | Encik Razali merupakan pemilik Kedai Kek Razali yang menjalankan operasi di Bandar Baru Merlimau, Melaka. Dia dibantu oleh 15 orang pekerja.Rekod jualan kedai Kek Encik Razali untuk tempoh 2 tahun adalah seperti berikut:<br><br>**Tahun Jualan Tahunan (RM)**<br>**2017 350 000**<br>**2018 750 000**<br><br>Apakah saiz perniagaan Kedai Kek Razali?<br>A Kecil<br>B Besar<br>C Global<br>D Sederhana | Perak<br>No 3 |
| 92 | Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan.<br><br>**Perkara utama yang membolehkan wujudnya proses urus niaga antara penjual dengan Pembeli**<br><br>Pernyataan di atas menunjukkan<br><br>A Konsep asas perniagaan<br>B Konsep asas keuntungan<br>C Konsep pemilikan perniagaan<br>D Konsep permintaan dan penawaran | Perlis<br>No 1 |
| 93 | Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan koperasi?<br>A Setiap pemilik menanggung cukai peribadi sahaja<br>B Syer boleh dipindah milik antara pemilik bersama<br>C Setiap anggota mempunyai hak dalam membuat keputusan<br>D Setiap pemegang saham layak membaca laporan kewangan | Perlis<br>No 2 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 94 | Gambar 1 menunjukkan sejenis milikan perniagaan<br><br>PETRONAS<br>Gambar 1<br><br>Pernyataan manakah yang menerangkan perniagaan tersebut?<br><br>I Berskala tempatan<br>II Perniagaan bersaiz besar<br>III Terlibat dalam sektor ketiga<br>IV Menyediakan perkhidmatan langsung<br><br>A I dan II C II dan III<br>B I dan IV D III dan IV | Perlis<br>No 3 |
| 95 | Gambar 2 menunjukkan aktiviti sektor yang penting dalam membekalkan sumber kepada ekonomi Negara.<br><br><br>Gambar 2<br><br>Sektor manakah yang mengeluarkan bahan mentah berdasarkan gambar tersebut untuk kegunaan sektor kedua?<br><br>A Sektor sekunder<br>B Sektor utama<br>C Sektor kedua<br>D Sektor ketiga | Perlis<br>No 4 |
| 96 | Maklumat berikut berkaitan dengan saiz perniagaan<br><br>**Perniagaan Ridzuan dan Perniagaan Salim mempunyai jualan tahunan yang sama. Perniagaan Ridzuan mempunyai bilangan pekerja yang ramai kerana berintensif buruh, manakala perniagaan Salim berintensif mesin. Maka itu perniagaan Ridzuan dianggap sebagai perniagaan yang bersaiz besar.**<br><br>Apakah faktor yang menentukan saiz perniagaan Ridzuan?<br>A Syer pasaran<br>B Jumlah modal<br>C Bilangan pekerja<br>D Jumlah jualan tahunan | Perlis<br>No 5 |



LIVEWORKSHEETS

<table>
<tr><td>97</td><td>Apakah tujuan sesebuah koperasi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan<br>A. Memilih anggota baharu<br>B. Meluluskan undang-undang kecil<br>C. Mendapat sijil perakuan pendaftaran<br>D. Menubuhkan jawatankuasa penaja</td><td>Sabah<br>No 1</td></tr>
<tr><td>98</td><td>Pernyataan di bawah berkaitan dengan konsep asas perniagaan.<br><br>X- Sesuatu yang boleh dilihat atau disentuh<br>Y- Aktiviti yang boleh mendatangkan faedah<br><br>Pilih pernyataan yang tepat tentang X dan Y<br>
<table>
<tr><th></th><th>X</th><th>Y</th></tr>
<tr><td>A.</td><td>Perniagaan</td><td>Perkhidmatan</td></tr>
<tr><td>B.</td><td>Barang</td><td>Keuntungan</td></tr>
<tr><td>C.</td><td>Barang</td><td>Perkhidmatan</td></tr>
<tr><td>D.</td><td>Keperluan</td><td>kehendak</td></tr>
</table></td><td>Sabah<br>No 2</td></tr>
<tr><td>100</td><td>Gambar 1 menunjukkan satu aktiviti perniagaan.<br>


<br>Gambar 1<br><br>Pernyataan manakah yang berikut merupakan tujuan utama perniagaan tersebut?<br>A. Menawarkan perkhidmatan pada harga kos.<br>B. Memaksimumkan keuntungan dalam jual beli.<br>C. Menawarkan perkhidmatan pada harga bawah kos.<br>D. Menyediakan perkhidmatan secara sukarela dan percuma</td><td>Serawak<br>No 1</td></tr>
<tr><td>101</td><td>Ani ingin memulakan perniagaan pakaian secara kecil-kecilan dengan keluarkan modal sendiri. Apakah kelebihan jenis pemilikan perniagaan tersebut?<br>A. Menanggung risiko bersama dengan pelanggan.<br>B. Kemahiran yang pelbagai.<br>C. Kos penubuhan rendah.<br>D. Liabiliti tidak terhad</td><td>Serawak<br>No 2</td></tr>
</table>



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 101 | Maklumat berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.<br><br>***KLINIK AZMI DAN RAKAN-RAKAN***<br><br>Pernyataan manakah yang berikut menerangkan kelebihan kedai tersebut?<br><br>I. Bebas mengurus perniagaan.<br>II. Liabilitl perniagaan yang terhad.<br>III. Kemahiran pengurusan yang pelbagai.<br>IV. Risiko perniagaan dapat ditanggung bersama-sama dengan rakan kongsi.<br><br>A. I, II<br>B. I, IV<br>C. II, III<br>D. III, IV | Serawak<br>No 3 |
| 102 | Gambar 2 merujuk kepada satu badan yang ditubuhkan di Malaysia.<br><br><br><br>Gambar 2<br><br>Gambar tersebut merujuk kepada …<br>A. Organisasi bukan kerajaan.<br>B. Organisasi dalam syarikat awam berhad.<br>C. Organisasi bukan bermotifkan keuntungan.<br>D. Aktiviti pembelian aset dalam organisasi kerajaan | Serawak<br>No 4 |
| 103 | Gambar 3 berkaitan dengan pemilikan perniagaan.<br><br><br><br>Gambar 3<br><br>Pernyataan manakah yang menerangkan jenis pemilikan perniagaan seperti di atas?<br>I. Menanggung liabiliti terhad.<br>II. Nilai syer tetap sepanjang masa.<br>III. Bilangan anggota maksimum 100 orang.<br>IV. Perlu didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).<br><br>A. I, II C. II, III<br>B. I, IV D. III, IV | Serawak<br>No 5 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 104 | Kriteria manakah yang menentukan saiz perniagaan?<br>I. Modal<br>II. Jumlah aset syarikat<br>III. Bilangan tenaga kerja<br>IV. Jumlah jualan tahunan<br><br>A. I, II<br>B. I, IV<br>C. II, III<br>D. III, IV | Serawak<br>No 6 |
| 105 | Aktiviti berikut yang manakah digolongkan dalam sektor utama?<br>I. Peruncitan<br>II. Pembinaan<br>III. Pembalakan<br>IV. Perlombongan<br><br>A. I, II C. II, III<br>B. I, IV D. III, IV | Serawak<br>No 7 |
| 106 | Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan objektif utama sesebuah perniagaan?<br>A Meningkatkan kuasa beli pengguna<br>B Menawarkan barangan kepada pengguna<br>C Memberikan keselesaan kepada pelanggan<br>D Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan | Terengganu<br>No 1 |
| 107 | Pernyataan yang manakah menerangkan ciri koperasi?<br>A Kawalan operasi adalah secara autokratik<br>B Ahli menanggung liabiliti tidak terhad<br>C Semua anggota berhak mengundi<br>D Pulangan syer kepada ahli dalam bentuk elaun | Terengganu<br>No 2 |
| 108 | Antara berikut, yang manakah merupakan ciri keperluan manusia?<br>A Keperluan mudah dipenuhi<br>B Menjadikan hidup lebih selesa<br>C Melambangkan kemewahan<br>D Keperluan berbeza untuk semua individu | Terengganu<br>No 3 |
| 109 | Tujuan perniagaan adalah untuk<br>A. Menawarkan barang dan perkhidmatan<br>B. Menjalankan aktiviti jual beli<br>C. Menyelesaikan hutang<br>D. Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna | Selangor<br>Set 1<br>No 1 |
| 110 | Antara yang berikut, yang manakah ciri perkongsian?<br>A. Rakan kongsi aktif menanggung liability terhad dan aktif dalam pengurusan perniagaan<br>B. Perniagaan tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Pindaan 1978)<br>C. Perkongsian tertakluk kepada beberapa terma dalam Akta Perkongsian 1961<br>D. Rakan kongsi lelap menanggung liability tidak terhad setakat modal yang dilaburkan sahaja. | Selangor<br>Set 1<br>No 2 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 111 | Gambar 1 menunjukkan suatu logo sebuah pemilikan perniagaan.<br><br>KPJ HEALTHCARE<br>**KPJ HEALTHCARE BERHAD**<br>Gambar 1<br><br>Antara yang berikut, yang manakah kelebihan perniagaan tersebut?<br>I. Beban cukai yang tinggi<br>II. Menikmati ekonomi bidangan<br>III. Menanggung liability terhad<br>IV. Laporan kewangan perlu diumumkan<br><br>A. I dan II<br>B. I dan IV<br>C. II dan III<br>D. III dan IV | Selangor<br>Set 1<br>No 3 |
| 112 | Rajah 1 menunjukkan carta alir proses pendaftaran penubuhan perniagaan milikan tunggal<br><br><br><br>Rajah 1<br>Apakah X?<br><br>A. Mendapatkan boring C<br>B. Mendapatkan Borang D<br>C. Mengembalikan Borang A<br>D. Mengambil Borang B | Selangor<br>Set 1<br>No 4 |
| 113 | Apakah tujuan usaha sama?<br>A. Menyeragamkan perbezaaan budaya kerja dalam syarikat yang berbeza<br>B. Meningkatkan perkongsian kepakaran antara syarikat<br>C. Menambahkan peluang pekerjaan penduduk setempat<br>D. Menyelaraskan visi dan misi yang berbeza | Selangor<br>Set 1<br>No 5 |



LIVEWORKSHEETS